

29 JAN 1997

Hamid - Sosial

AGENSI DAN JABATAN AGAMA DIGERAK BAGI MENGATASI GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Semua agensi dan jabatan agama akan digerakkan sepenuhnya bagi mengatasi gejala sosial di kalangan umat Islam di negara ini sekarang, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata selaras dengan itu, semua pegawai agama dari empat negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan akan mengadakan pertemuan khas dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Rabu ini bertujuan membincangkan perkara itu.

"Gejala sosial yang menimpa umat Islam sekarang begitu menggerunkan sekali", katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan wang dan hamper kepada 530 pesakit di Hospital Kuala Lumpur di sini hari ini.

Dr Abdul Hamid mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang meminta Menteri-menteri besar dan Ketua Menteri supaya bertindak terhadap pusat-pusat maksiat yang boleh menimbulkan gejala sosial kepada rakyat terutama golongan muda.

Beliau berkata pihaknya akan memberikan kesedaran ini bukan sahaja kepada golongan muda tetapi golongan tua melalui saluran agama seperti khutbah Jumaat dan taklimat khas dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dr Abdul Hamid berkata kerajaan pusat dan negeri akan berusaha mengatasi krisis gejala sosial yang sudah sampai ke kemuncaknya terutama di pusat-pusat hiburan.

Beliau berkata dari segi agama ia perlu dikawal dari segi ketahanan dalaman dan daripada segi undang-undang ia dijalankan mengikut peraturan majlis tempatan.

Katanya, peraturan majlis tempatan ialah pusat hiburan dibuka mengikut had yang ditetapkan dan pengeluaran lesen-lesen pusat seumpama itu mesti dikurangkan.

Beliau berkata langkah itu dilakukan mengikut peraturan yang sedia ada dan bukan peraturan baru.

Pada masa ini, lebih 200,000 anak muda terbabit dengan gejala dadah kebanyakan golongan muda Islam dan mereka tidak lagi boleh diharapkan untuk membawa pembangunan kepada negara. -- BERNAMA

HT FAZ